

UPM cipta model asyik kepada pelajaran

KUALA LUMPUR 14 April – Bukan mudah untuk menarik minat sesetengah pelajar terhadap pembelajaran sesuatu mata pelajaran, apatah lagi mewujudkan suasana asyik kepada pelajaran tersebut.

Seorang guru bukan sahaja memerlukan daya kreativiti untuk menarik perhatian semua pelajar tetapi juga tahap kesabaran yang tinggi.

Namun, seorang penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta sejenis model yang berupaya membentuk faktor asyik terhadap bahan pengajaran pendidikan.

Penyelidik itu, Dr. Normahdiah Sheikh Said berkata, model yang dikenali sebagai Norma Engagement Multimedia Design Model (NEMD) atau Model Reka Bentuk Multimedia yang Mengasyikkan terhasil dari eksperimen terhadap kanak-kanak dan remaja dalam situasi yang mengasyikkan ketika berinteraksi dengan komputer.

Pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM itu berkata, NEMD diperlukan dalam mereka bentuk perisian atau laman web kerana model tersebut mempunyai faktor yang menyebabkan remaja ketagih kepada komputer.

“NEMD menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centered learning*) dan terbukti memberi kesan positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran pelajar UPM,” katanya.

Beliau berkata, pelajar berkenaan bukan sahaja bermotivasi tinggi terhadap tugas yang diberikan tetapi berjaya menghasilkan satu hasil pembelajaran yang optimum.

Jelasnya lagi, ciri-ciri keasyikan NEMD telah dimasukkan dalam reka bentuk teks ilustrasi interaktif dalam sebuah koleksi buku kanak-kanak pra sekolah ‘*Siri 3 Sahabat* dan *Si Rama-Rama*’ yang digunakan oleh Tabika Perpaduan seluruh negara.

“Ciri-ciri keasyikan patut dimasukkan dalam kurikulum pendidikan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi menggalakkan pelajar asyik kepada pembelajaran,” katanya.

Beliau berkata, terdapat banyak kebaikan dalam permainan komputer seperti meningkatkan kemahiran berfikir secara logik, perancangan strategi, penyelesaian masalah termasuk strategi kognitif dan metakognitif yang menjana kemahiran berfikir.